

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : SELANGOR

Tuduhan palsu cemar imej HKL

Viral di media sosial mengenai kualiti rawatan kebakaran hanyalah dakwaan palsu

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Hospital Kuala Lumpur (HKL) menafikan semua tuduhan seorang pemilik laman Facebook yang mendakwa rawatan kebakaran kepada pesakit kanak-kanak lebih teruk dari haiwan.

Semua dakwaan dibuat individu dipercayai ejen syarikat insurans berkenaan telah menjadi tular di media sosial pada 21 Oktober lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaininah Mohd Zain berkata, kenyataan yang dilemparkan di FB tersebut adalah tuduhan palsu dan telah mencemarkan imej HKL sebagai pusat merawat pesakit luka bakar dan kelecuman negara.

"Pesakit kanak-kanak yang dimaksudkan dalam tular itu adalah kanak-kanak lelaki berusia 5 tahun yang melecur 10 peratus kerana terkena air panas pada kejadian di rumahnya, 21 September lalu.


"Selepas kejadian, pesakit dibawa ke Hospital Az Zahrah dan se-

terusnya dirujuk ke HKL pada hari yang sama dan setibanya di HKL, rawatan segera telah diberikan di bawah pengurusan Unit Rawatan Kebakaran Institut Pediatrik, dan turut dirujuk kepada disiplin-disiplin lain kerana rawatan kebakaran memerlukan pendekatan secara holistik dan multidisiplin untuk mengoptimalkan perawatan," katanya dalam satu kenyataan.

Jelas beliau, pesakit telah diberikan rawatan sewajarnya iaitu cucian luka di wad mengikut rutin yang telah ditetapkan pakar yang merawat termasuk pembersihan luka (yang dijalankan di bilik pembedahan dengan pembiusan).

Katanya, selain itu pesakit diberikan ubat tahan sakit secara berkala dengan ubat-ubatan yang bersesuaian di wad bagi memastikan pesakit selesa.

"Anubiotik juga diberikan untuk menghindar dan merawat jangkitan kuman. Adalah mustahil pesakit tidak merasa sakit mahupun trauma



Keratan tuduhan dibuat oleh pemilik akaun Facebook berkenaan yang mendakwa HKL memberi layanan buruk bagi rawatan kebakaran terhadap pesakit kanak-kanak.

akibat kelecuman tersebut, namun dengan rawatan dan ubat tahan sakit yang diberikan mampu mengurangkan kesakitan tersebut seperti aspirasi 'pain free hospital' yang menjadi matlamat utama HKL.

"Pakar perubatan yang merawat telah menetapkan satu tarikh untuk pesakit menjalani 'Superficial Skin Grafting' namun waris pesakit memilih untuk didiscaj sebelum tarikh prosedur tersebut untuk men-

dapatkan rawatan susulan di Subang Jaya Medical Centre (SJMC) kerana mahukan keselesaan terutamanya untuk waktu lawatan," katanya.

Jelas beliau lagi, mengikut protokol Unit Rawatan Kebakaran, Institut Pediatrik, HKL hanya ibu bapa/penjaga sahaja yang dibenarkan melawat dan hanya ibu atau penjaga wanita sahaja yang dibenarkan menjaga pesakit di wad.

"Ibu bapa juga tidak dibenarkan berada di bilik rawatan semasa prosedur dijalankan. Protokol ini perlu mereka patuhi bagi memastikan persekitaran wad sentiasa bersih untuk mengurangkan jangkitan kuman kepada pesakit lain yang juga menerima rawatan kebakaran dan kelecuman di unit tersebut.

"Pada 12 Oktober, pesakit telah didiscaj dan seterusnya menyambung rawatan di SJMC setelah pakar SJMC bersetuju menerima pesakit tersebut. Keadaan luka pesakit bertambah pulih semasa discaj," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : DALAM NEGERI



S. SUBRAMANIAM menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian MoU antara Chen Chaw Min (dua dari kiri) dan Jennifer Kang di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Noor Hisham Abdullah (kiri) dan Mastura Adnan (kanan). - BERNAMA

Pesakit katarak dijangka meningkat 5,000 setahun

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Bilangan pesakit yang menjalani rawatan pembedahan katarak dijangka meningkat sekurang-kurangnya 5,000 kes pada setiap tahun ekoran kesedaran orang ramai mengenai rawatan berkenaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pada tahun lalu sahaja, lebih 50,000 pembedahan mata telah dilakukan di hospital kerajaan, berbanding hanya 12,798 kes pada tahun 2002.

"Kita lihat, bilangan pesakit yang menjalani pembedahan katarak meningkat empat kali ganda berbanding tempoh 15 tahun yang lalu dengan pertambahan kemudahan untuk mendapatkan rawatan itu.

"Kini kita mempunyai 41 pusat rawatan katarak di seluruh negara," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kementerian Kesihatan dan Yayasan Standard Chartered, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan,

Datuk Seri Dr. Chen Chaw Min;

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah; Ketua Korporat Standard Chartered Foundation, Jennifer Kang dan Ketua Kelestarian dan Hal Ehwal Awam Standard Chartered Foundation, Mastura Adnan.

Yayasan Standard Chartered menyumbangkan RM412,000 bagi membantu golongan tidak berkemampuan untuk menjalani pembedahan katarak di hospital kerajaan.

Sumbangan bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat itu mampu menampung kos 1,870 kanta intraokular.

Subramaniam bagaimanapun berkata, ia tetap menjadi cabaran apabila masih ramai yang mengalami masalah katarak yang tidak dirawat.

Banci Mata Kebangsaan yang dilakukan pada 2014 katanya, mendapati 413,000 penduduk di negara ini yang berumur

50 tahun ke atas mempunyai masalah penglihatan dan daripada jumlah itu, 113,000 orang menjadi buta dengan 43,000 daripadanya dikenal pasti berpunca daripada katarak.

Beliau berkata, kajian yang sama juga mendedahkan 1.2 peratus rakyat Malaysia berusia 50 tahun ke atas kehilangan penglihatan atau menjadi buta dan 58 peratus daripadanya berpunca daripada katarak, retinopati diabetik (10 peratus) dan glaukoma (7 peratus).

Dalam pada itu, beliau memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak membeli kanta sentuh di pasar malam atau kedai kecantikan yang tidak berdaftar kerana ia boleh menyebabkan masalah mata yang serius. Subramaniam berkata, pemeriksaan mata perlu dilakukan daripada optometris atau pegawai perubatan terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang kesan sampingan yang teruk.